

MUQADDIMAH TASAWUF TAREKAT

Sesungguhnya Islam adalah agama rahmat yang lengkap, sempurna, wasatiyyah dan holistik. Ia merangkumi zahir, batin serta hakikat zahir dan batin. Hal ini dirujuk kepada model hadis Jibril di bawah. Firman Allah S.W.T dalam surah al- Anbiya' 21:107; yang bermaksud: “Adakah benda-benda dari bumi yang mereka jadikan Tuhan-tuhan itu, dapat menghidupkan semula sesuatu yang mati?”

Ilmu tasawuf adalah disiplin ilmu yang ketiga dalam agama. Ia juga disebut sebagai ilmu ruh, rasa (zikir), manisnya buah, mutiara dalam lautan dan sebagainya. Ilmu ini adalah ilmu seni dan kemahiran mendekatkan diri kepada Allah S.W.T melalui tokoh guru yang mendidik anak muridnya berzikir kepada Allah S.W.T sama ada zikir secara jahar (kuat) mahupun sir (perlahan), bersendirian mahupun berjemaah.

Menurut Sheikh Abd Qadir al-Jailani, tasawuf (w:561H) (التصوف) bermakna ت : taubah, ص: proses penyucian, و : wilayah (kewalian seseorang), ف : fana' semata-mata mencari kecintaan Allah S.W.T.

HUKUM MENUNTUT ILMU TASAWUF


Menurut Imam al-Ghazali (w.505H), Sheikh Abd Qadir Jailani (w.561H) dan para tokoh ilmu tasawuf menuntut ilmu tasawuf ini hukumnya fardhu ain kepada setiap mukallaf berdasarkan kepada hadis Jibril riwayat Bukhari dan Muslim. Ini disebabkan setiap orang Islam tidak terlepas dari melakukan dosa -dosa dan penyakit batin seperti syirik, ria', ujub, takabbur, hasad dengki dan sebagainya.

Firman Allah S.W.T dalam Surah As- Syuara' 43: 88-89; yang bermaksud: “Dan (Dialah Tuhan yang mengetahui rayuan nabi Muhammad) yang berkata “wahai tuhanku! Sesungguhnya mereka ini adalah satu kaum yang tidak mahu beriman (maka terserahlah kepadaMu untuk memilihnya!)” (43: 88)

“(Tuhan menjawab rayuannya dengan berfirman: “Jika demikian, maka janganlah engkau (wahai

Muhammad) hiraukan mereka, dan katakanlah: “selamat tinggallah!” kemudian mereka akan mengetahui kelak (akibat kenerakaan!)” (43: 89)

MODEL HIKMAH (HADIS JIBRIL)



JADUAL MODEL HIKMAH (HADIS JIBRIL)

ISLAM (S) Muslim	IMAN(I) Mukmin	IHSAN(I) Muhin
Surah Fiqh Zahir(jahar)	Aqidah Tauhid Batin(Buah)	Tasawuf Hakikat Zahir dan Batin (Buah yang Baik)
Rukun Islam (5) 1. Syahadah(Kalimah Taibah)	Rukun Iman (6) Percaya dan Taqwa 1. Kepada Allah S.W.T	Rukun Ihsan (1) "Kamu menyembah Allah, seolah-olah kamu melihat Allah, sekiranya kamu tidak melihat Allah, Allah pasti melihat kamu".
2. Solat 5 waktu (Erat dekat dengan Allah)	2. Kepada Malaikat (10) Malaikat	Terdapat dua maqam: 1. Maqarabah 2. Maqarabah
3. Puasa Ramadhan(Nilai kemurahan)	3. Kepada Rasul- rasul (25 Rasu)	Prinsip: Lakukanlah rukun Islam dengan ikhlas, sempurna sah dan baik, olehnya Allah SWT.
4. Zakat (Nilai berakhlak dan keseruan harta)	4. Kepada Kitab-kitab (4 kitab Sunnah)	Hikmah diri (Tahsil) dari sifat Maqarabah (tercela)
5. Haji ke Makkah (Nilai aman dari neraka)	5. Kepada hari kiamat (Alam kubur-Akhirat)	Hias diri (Tahsil) dari sifat Mahmudah (terpuji)
Al- Quran dan Hadis Imam al-Shafie (w.304H) Imam al-Nawawi	6. Kepada Qadar' Qadar (Baik dan buruknya)	Al-Quran dan Hadis Imam al-Ghazali (w.505H)
(W.511H) Imam al-Bah, Imam-imam yang menyokong dan mendukung pandangan mereka.	(w.324) Imam Abu Mansur al-Maturidi (w.329H) Imam-imam yang menyokong dan mendukung pandangan mereka.	Imam Abu Hasan al-Shadhli (w.454H) Imam Sheikh Ibnu Al-Jawzi al-Sakandari. Imam-imam yang menyokong dan mendukung pandangan mereka.
MODEL HIKMAH (KALIMAH TAYYIBAH) Keselamatan dan keselamatan Dunia dan Akhirat Mencapai Viti Dunia Kesempurnaan iman berakhlak seperti Rasulullah ﷺ Mencapai Viti Akhirat		

TAREKAT

Tarekat menurut ahli bahasa bermakna jalan, ia juga dikenali (sabil, sirat, tarik).

Firman Allah S.W.T dalam surah Jin 72:16; yang bermaksud: “(Nabi Muhammad diwahyukan menerangkan lagi): “dan bahawa sesungguhnya! Kalaulah mereka (manusia dan jin) itu berjalan betul diatas jalan (Islam), sudah tentu kami (akan memberikan mereka sebab-sebab pembawa

kemewahan, terutama) menurunkan hujan lebat kepada mereka.”

Menurut Imam al-Jurjani (w.791H), tarekat secara istilah ialah perjalanan kerohanian yang khusus kepada para (salik) pengembara kerohanian dari pelbagai ujian dan tribulasi (proses mujahadah) dalam mendaki kedudukan (maqam) dan keadaan (ahwa) tertentu.

TOKOH TOKOH TASAWUF TAREKAT

Rasulullah ﷺ adalah tokoh utama dalam ilmu tasawuf. Baginda memiliki kekuatan ilmu zahir, batin dan hakikat zahir batin yang telah diturunkan segala ilmu baginda kepada para sahabat baginda ﷺ. terutamanya dua orang tokoh sahabat yang menerima ilmu zikrullah iaitu Saidina Abu Bakar r.a dan Saidina Ali r.a. Saidina Abu Bakar r.a telah menerima zikir Ismu Zat (الله) Saidina Ali r.a yang menerima kalimah tayyibah atau tahlil (لا اله الا الله). Oleh yang demikian, bagi menentukan kesahihan sesuatu perjalanan tarekat hendaklah dilihat kepada salasilah pengambilan ilmu dari guru yang kebiasaannya akan sampai kepada 2 tokoh utama ini. Sekiranya salasilah itu terputus atau tidak dikenal pasti salasilahnya maka tarekat itu dianggap tidak muktabarah (diiktiraf). Tokoh golongan penerang ilmu ini seperti Imam Ibnu Hanbal, Imam Junaid al-Baghdadi, Imam Abu Hassan al-Shadhli, Imam al-Ghazali, Sheikh Abdul Qadir al-Jailani, Sheikh Ibnu Abbas al-Mursi, Sheikh Ataillah al-Sakandari dan ramai lagi.

TRADISI APLIKASI AMALAN DALAM TAREKAT MUKTABARAH

Para guru dalam tarekat mu'tabarah akan mendidik para salik (pengembara kerohanian) kemahiran berzikir sama ada zikir secara jahar (bacaan kuat sendirian dan berjemaah) ataupun sir (bacaan secara senyap dan sendirian). Tradisi amalan juga diaplikasikan berdasarkan kepada hari atau bulan kebesaran Islam seperti berpuasa sunat Isnin Khamis, hari- hari putih (13,14 dan 15 dalam bulan Islam), menganjurkan khatam al-Quran pada bulan Ramadhan, membaca Surah Yassin beramai- ramai pada malam Jumaat,

Selawat Nariyah, Ratib al-Attas, Ratib al-Haddad, membaca biografi (Manaqib) tokoh- tokoh tertentu seperti Syekh Abd Qadir al-Jailani, menganjurkan majlis ulangtahun, kewafatan (haul) mengambil (iktibar) kepada tokoh tokoh tertentu.

Proses ini memerlukan seseorang yang telah mencapai tahap kewalian (mereka yang dekat dengan Allah) telah melalui proses pengabdian dan pendakian kerohanian menuju Allah dengan jalan *mujahadah*. Mujahadah (bersungguh-sungguh) melalui proses membiasakan diri dengan berpuasa pada siang hari dan melazimi solat- solat sunat seperti solat taubat, solat hajat, solat tahajud dan solat witir.

Pada kebiasaannya, para wali Allah yang telah melalui proses mujahadah yang tinggi akan memperoleh maqam dan ahwal yang tinggi seterusnya mencapai kurniaan yang besar dari Allah S.W.T dengan pelbagai kurniaan seperti mahabbah, kasyaf, ilham, karamah,. Namun kurniaan yang besar dari Allah S.W.T ialah bagaimana kita dapat mencapai istiqamah (konsisten) beramal pada jalan yang benar.

CONTOH SENARAI NAMA TAREKAT DI JOHOR

BIL	NAMA
1.	الاوليه/ابا الاوي
2.	خواجهن
3.	چيستيه
4.	شدليه قدرايه
5.	الشدليه درقوويه
6.	الشدليه القاووجيه
7.	التيجنيه
8.	الريفايه
9.	ناقسابنديه خالدايه
10.	ناقسابنديه الموطاهيريه
11.	ناقسابنديه سامنيه
12.	قادرايه ناقسابنديه (تقن)
13.	القدرا
14.	شتاريه
15.	شيدقيه
16.	احمديه ادرسيه (دندراوي)
17.	احمديه قادرايه

KESIMPULAN

Ilmu tasawuf ini wajib diajarkan kepada setiap umat Islam melalui pengajian yang bersifat formal , informal, non-formal, di pusat-pusat pengajian tinggi mahupun sekolah, tidak terkecuali masjid dan surau dalam komuniti. Mempelajari disiplin ilmu ini akan melahirkan insan yang berkemahiran membina hubungan dengan Allah SWT yang bersifat vertical(menegak) dan hubungan manusia yang bersifat horizontal (mendatar). Manakala kehilangan ilmu tasawuf ini akan memberi kesan yang negatif kepada individu, komuniti, negeri dan negara dari sudut zahir batin, kesejahteraan dan keselamatan umat Islam.

RUJUKAN

Al-Ghazali, Al-Imam Muhammad (2011). *Ihya' „Ulūm al-Dīn (Vol. 1-8)*. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Al-Jailānī, Šheikh Abdul Qadir (2012). *Sir al-Asrar*. Selangor Darul Ihsan: Thinkers Library Sdn Bhd.

Al-Kurdī, Muhammad Amin (2004). *Tanwīr al-Qulūb Fi Muamalah Allam al-Ghuyub*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.

Al-Makkī, Šheikh Abi Talib (2010). *Qūt al-Qulūb Fi Muamalah al-Mahbūb*. Beirut: Darul Sodir.

Al-Nabḥanī, Šheikh Yusuf (1996). *Jamie' Karāmah al-Auliā*. Beirut. Lubnan: Darul Qutub al-Ilmiyah.

Al-Qušairī, Imam Abdul Karim (2011). *Risalah al-Qušairīah*. Jakarta, Indonesia: Dar al-Kutub al-Islamiyah.Syed Hadzrullathfi (2012). *Zikir Allah, Allah, Allah..* Jalan Menuju Hakikat Dan Ma'rifatullah. Selangor Darul Ihsan: Al-Falah Publication Sdn. Bhd.

Mohd Azman bin Mohsin (2017) Ratib al-Attas amalan Dalam Tarekat Alawiyah di Masjid Habib Hassan, Johor Bahru,UTM, Skudai,Johor



TASAWUF TAREKAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

BAHAGIAN PENYELIDIKAN JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru, Johor.

Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244

Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com

Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>

1439 H / 2018 M

Ditashihkan oleh : Jabatan Mufti Johor